

B609  
FPP  
(1)

1981

KUALA LUMPUR, 9 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH ENGGAN MENEMUI PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI PROGRESIF RAKYAT (PPP) SEHINGGA MEREKA MENYELESAIKAN PERBALAHAN MENGENAI PUCUK PIMPINAN PARTI ITU SEKARANG, DEMIKIAN MENURUT SUMBER-SUMBER HARI INI.

ADALAH DIFAHAMKAN BAHAWA SEBAB PERDANA MENTERI BERBUAT DEMIKIAN KERANA BELIAU TIDAK MAHU TERLIBAT DALAM KRISIS PUCUK PIMPINAN PARTI ITU.

+PERDANA MENTERI BERHARAP PARA PEMIMPIN PPP BOLEH MENYELESAIKAN MASALAH MEREKA SEBELUM MENEMUINYA,+ KATA SUMBER-SUMBER ITU LAGI.

SEBUAH AKHBAR TEMPATAN MELAPORKAN SEMALAM BAHAWA PRESIDEN PPP YANG +BARU DIPILIH+, ENCIK PARAMJIT SINGH, SEBAGAI BERKATA BAHAWA PARTI ITU TELAH MENULIS MEMINTA DIADAKAN PERTEMUAN DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR BAGI MEMBLU TAKLIMAT KEPADA BELIAU MENGENAI PERKEMBANGAN TERBARU DALAM PARTI ITU.

SURAT ITU TELAH DIHANTAR OLEH SETIAUSAHA PAARTI ENCIK CHIN KEE SEONG SEMINGGU SEBELUM PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN PARTI YANG BARU PADA 30 NOV. -- BERSAMBUNG 1740/SZ

B610  
PPP 2 KUALA LUMPUR

BAGAIMAPUN, PERJUMPAAN ITU TELAH DITOLAK DALAM SEPUCUK SURAT YANG DIHANTAR OLEH SETIAUSAHA POLITIK KEPADA PERDANA MENTERI, MEGAT JUNID AYUB, SEMINGGU SELEPAS PEMILIHAN ITU.

PPP SEKARANG MENGHADAPI PERGOLAKAN PUCUK PIMPINAN DENGAN +PENGGULINGAN+ PRESIDENNYA, SENATOR S.I. RAJAH, YANG MENDAKWA BELIAU MASIH MENJADI PRESIDEN YANG SAH.

PIHAK YANG MENYOKONG SENATOR RAJAH MENDAKWA BAHAWA PEMILIHAN ENCIK PARAMJIT SINGH DAN ANGGOTA-ANGGOTA JAWATANKUASA KERJA PARTI ITU DI MESYUARAT AGUNGNYA DI IPOH BARU-BARU INI ADALAH TIDAK SAH.

-- BERNAMA 1745/SZ